

**PENGETAHUAN DAN AMALAN *ISTI'ĀDHAH*
DALAM KALANGAN PELAJAR UNIVERSITI
AWAM**

NURUL SUHAIDA BINTI IBRAHIM

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2018

**PENGETAHUAN DAN AMALAN *ISTI'ĀDHAH*
DALAM KALANGAN PELAJAR UNIVERSITI
AWAM**

oleh

NURUL SUHAIDA BINTI IBRAHIM

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Sarjana Sastera**

Ogos 2018

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, jutaan kesyukuran dan pujian dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin serta rahmatNya pengkaji dapat menyiapkan tesis yang bertajuk “Pengetahuan dan Amalan *Isti’ādah* Dalam Kalangan Pelajar Universiti Awam”.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga pengkaji tujukan kepada Prof. Madya Dr. Mohd Nizam Sahad sebagai penyelia tesis ini, di atas tunjuk ajar serta bimbingan yang diberikan. Tanpa pandangan dan curahan buah fikiran beliau, sudah tentu tesis ini tidak dapat disiapkan pada masa yang ditetapkan. Tidak dilupakan juga ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Bahagian Tajaan, Kementerian Pengajian Tinggi di atas sumber kewangan yang diberikan untuk menjayakan kajian ini.

Di samping itu, setinggi penghargaan juga ditujukan kepada Dr Muhammad Amir Wan Harun kerana sudi meluangkan masa dan sering memberikan nasihat, pandangan serta komentar terhadap hasil kerja pengkaji. Kepada pakar rujuk instrumen iaitu Profesor Dr Suriati Ghazali, Profesor Madya Dr Siti Hajar Che Man, Profesor Madya Dr Jasni Sulong dan Dr Muhammad Amir Wan Harun, pengkaji merakamkan ribuan terima kasih dan mendoakan semoga kalian terus berjaya dalam lapangan akademik dan diberkati hidup dunia dan akhirat.

Teristimewa buat ayahanda tercinta Ibrahim Mat Jusoh dan ibunda Nafisah Ismail yang mengasuh dan membesarkan pengkaji sehingga dewasa, tiada kata dan ungkapan yang boleh menandingi jasa dan bakti kalian. Semoga ayahanda dan ibunda sentiasa sihat untuk terus beribadah kepada Allah S.W.T. Tidak dilupakan juga buat suami pengkaji Muhammad Amirul Enchek Kamaruddian serta ahli keluarga pengkaji

yang sentiasa memberi semangat dan dorongan untuk meneruskan kajian sehingga berjaya. Semoga Allah S.W.T kurniakan kebaikan buat kalian juga.

Akhirnya pengkaji juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua staf dan kakitangan PPIK USM, rakan-rakan Bahagian Pengajian Islam, rakan-rakan penyelidikan dan juga kepada semua pelajar Universiti Sains Malaysia dan Universiti Malaysia Perlis yang sudi memberi kerjasama yang sepenuhnya sama ada secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan kajian tesis ini. Kerjasama dan jasa yang telah kalian berikan amat besar ertinya buat pengkaji. Syukur Alhamdulillah dan terima kasih...

Sekian, wassalam.

Nurul Suhaida Ibrahim

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan

Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

JADUAL KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
JADUAL KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RAJAH	ix
SENARAI GRAF	x
SENARAI SINGKATAN	xi
PANDUAN TRANSLITERASI	xii
ABSTRAK	xiii
ABSTRACT	xiv
BAB 1 - PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Permasalahan Kajian dan Persoalan Kajian	6
1.3 Objektif Kajian	8
1.4 Sorotan Literatur	9
1.5 Skop Kajian dan Batasan Kajian	17
1.6 Kepentingan Kajian	20
1.7 Kepentingan Tajuk	21
BAB 2 - <i>ISTI'ĀDHĀH</i> DALAM ISLAM	
2.1 Pendahuluan	24
2.2 Pengertian <i>Isti'ādhah</i>	26
2.3 Kedudukan <i>Isti'ādhah</i> Dalam Islam	28
2.4 Rukun <i>Isti'ādhah</i>	35
2.5 <i>Isti'ādhah</i> dan Perkaitan Dengan Akidah Islam	38
2.5.2 <i>Isti'ādhah</i> yang Membawa Penyelewengan Akidah	42
2.6 Matlamat Dan Kepentingan <i>Isti'ādhah</i>	43
2.7 Kerangka Konseptual Kajian	46
2.8 Rumusan	49
BAB 3 - METODOLOGI KAJIAN	
3.1 Pendahuluan	51
3.2 Reka Bentuk Kajian	51
3.3 Rancangan Kajian	55

3.4	Instrumen Kajian	55
	3.4.1 Soal Selidik	55
3.5	Kesahan Instrumen Kajian	56
3.6	Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	59
3.7	Prosedur Pengumpulan Data	60
	3.7.1 Pengumpulan Data Sekunder	60
	3.7.2 Pengumpulan Data Primer	62
	3.7.2(a) Soal Selidik	62
3.8	Persampelan dan Populasi Kajian	63
	3.8.1 Persampelan Kajian Kuantitatif	63
3.9	Tatacara Analisis Data	66
	3.9.1 Analisis Data Soal Selidik	67
3.10	Latar Belakang Universiti	69
3.11	Rumusan	72

BAB EMPAT - ANALISIS KONSEP *ISTI'ĀDHĀH* DALAM KALANGAN PELAJAR ISLAM UNIVERSITI SAINS MALAYSIA DAN UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

4.1	Pendahuluan	75
4.2	Demografi Sampel Kajian	75
	4.2.1 Latar Belakang Responden	76
4.3	Dapatan Kajian Pengetahuan Pelajar Islam Universiti Sains Malaysia dan Universiti Malaysia Perlis Terhadap Konsep <i>Isti'ādhah</i>	87
	4.3.1 Pengetahuan Berkenaan Maksud <i>Isti'ādhah</i>	92
	4.3.2 Pengetahuan Berkenaan Allah Sebagai Tempat Berlindung	95
	4.3.3 Pengetahuan Terhadap Ayat Ber- <i>isti'ādhah</i>	98
	4.3.4 Pengetahuan Terhadap Kesan Tidak Ber- <i>isti'ādhah</i> dan <i>Isti'ādhah</i> yang Salah	103
4.4	Dapatan Kajian Amalan Pelajar Islam Universiti Sains Malaysia dan Universiti Malaysia Perlis Terhadap Konsep <i>Isti'ādhah</i>	108

4.4.1	Amalan Pelajar Islam Universiti Sains Malaysia dan Universiti Malaysia Perlis Terhadap Amalan <i>Isti'ādhah</i> yang Betul	114
4.4.2	Amalan Pelajar Islam Universiti Sains Malaysia dan Universiti Malaysia Perlis Terhadap Amalan <i>Isti'ādhah</i> yang Tidak Benar	118
4.4.3	Amalan Pelajar Islam Universiti Sains Malaysia dan Universiti Malaysia Perlis Terhadap Doa <i>Isti'ādhah</i>	122
4.5	Dapatan Kajian Hubungkait Antara Pengetahuan dengan Amalan Konsep <i>Isti'ādhah</i>	134
4.6	Rumusan	142
 BAB LIMA - KESIMPULAN DAN CADANGAN		
5.1	Pendahuluan	143
5.2	Rumusan Dapatan Kajian	143
5.2.1	Pengetahuan Pelajar Islam Universiti Sains Malaysia dan Universiti Malaysia Perlis Terhadap <i>Isti'ādhah</i>	144
5.2.2	Amalan Pelajar Islam Universiti Sains Malaysia dan Universiti Malaysia Perlis Terhadap Amalan <i>Isti'ādhah</i>	145
5.2.3	Hubungkait Antara Pengetahuan dengan Amalan <i>Isti'ādhah</i> Universiti Sains Malaysia dan Universiti Malaysia Perlis	147
5.3	Sumbangan Kajian kepada Disiplin Ilmu dan Pembangunan Pelajar dan Masyarakat	147
5.4	Cadangan dan Saranan	149
5.5	Potensi Kajian Masa Depan	153
 BIBLIOGRAFI		 155

SENARAI JADUAL

		Halaman
Jadual 3.1	Skala Tahap Pengetahuan dan Amalan	68
Jadual 3.2	Senarai Panel Pakar Kesahan Kandungan Item Soal Selidik Dan Tahap Persetujuan Item Soal Selidik	58
Jadual 3.3	Keputusan Nilai Alpha Instrumen Kajian Rintis	60
Jadual 4.1	Bilangan Respondan dan Peratusan Respondan di Universiti Sains Malaysia dan Universiti Malaysia Perlis	89
Jadual 4.2	Bilangan dan Peratusan Respondan Mengikut Jantina di Universiti Sains Malaysia dan Universiti Malaysia Perlis	72
Jadual 4.3	Bilangan dan Peratusan berdasarkan Umur Respondan di Universiti Sains Malaysia dan Universiti Malaysia Perlis	79
Jadual 4.4	Bilangan dan Peratusan Respondan berdasarkan di Universiti Sains Malaysia dan Universiti Malaysia Perlis	80
Jadual 4.5	Bilangan dan Peratusan Respondan berkenaan respon pelajar sama ada pernah berada dalam situasi orang yang alami gangguan berdasarkan kajian di Universiti Sains Malaysia dan Universiti Malaysia Perlis	83
Jadual 4.6	Bilangan dan Peratusan Respondan berkenaan pengetahuan mengenai kefahaman terhadap surah al-Falaq berdasarkan kajian di Universiti Sains Malaysia dan Universiti Malaysia Perlis	85
Jadual 4.7	Bilangan dan Peratusan Respondan berkenaan pengetahuan mengenai kefahaman terhadap surah al-Ikhlas berdasarkan kajian di Universiti Sains Malaysia dan Universiti Malaysia Perlis	85
Jadual 4.8	Bilangan dan Peratusan Respondan berkenaan pengetahuan mengenai kefahaman terhadap surah an-Nas berdasarkan kajian di Universiti Sains Malaysia dan Universiti Malaysia Perlis	86
Jadual 4.9	Bilangan dan Peratusan Respondan berkenaan pengetahuan mengenai kefahaman terhadap surah al-Fatihah berdasarkan kajian di Universiti Sains Malaysia dan Universiti Malaysia Perlis	87

Jadual 4.10	Tahap pengetahuan pelajar Universiti Sains Malaysia dan Universiti Malaysia Perlis terhadap konsep <i>isti 'ādhah</i>	89
Jadual 4.11	Tahap Pengetahuan pelajar Universiti	93
Jadual 4.12	Tahap Pengetahuan pelajar Universiti Sains Malaysia dan Universiti Malaysia Perlis terhadap Allah sebagai tempat memohon perlindungan	96
Jadual 4.13	Tahap Pengetahuan pelajar Universiti Sains Malaysia dan Universiti Malaysia Perlis terhadap ayat <i>isti 'ādhah</i>	99
Jadual 4.14	Tahap pengetahuan pelajar Universiti Sains Malaysia dan Universiti Malaysia Perlis terhadap kesan tidak ber- <i>isti 'ādhah</i> dan <i>isti 'ādhah</i> yang salah	104
Jadual 4.15	Tahap Amalan pelajar Universiti Sains Malaysia dan Universiti Malaysia Perlis terhadap konsep <i>isti 'ādhah</i>	110
Jadual 4.16	Amalan pelajar Universiti Sains Malaysia dan Universiti Malaysia Perlis	115
Jadual 4.17	Tahap Amalan pelajar Universiti Sains Malaysia dan Universiti Malaysia Perlis terhadap amal <i>isti 'ādhah</i> yang tidak benar	119
Jadual 4.18	Tahap Amalan pelajar Universiti Sains Malaysia dan Universiti Malaysia Perlis terhadap doa atau ayat <i>isti 'ādhah</i>	123
Jadual 4.19	Keputusan Korelasi Pengetahuan dengan Amalan Pelajar Universiti Sains Malaysia dan Universiti Malaysia Perlis terhadap <i>Isti 'ādhah</i>	135

SENARAI RAJAH

		Halaman
Rajah 2.1	Kerangka Konseptual Kajian	49
Rajah 3.1	Kerangka Reka Bentuk Kajian	53
Rajah 3.2	Model Prosedur Kajian	75

SENARAI GRAF

		Halaman
Graf 4.1	Graf Perbandingan Tahap Pengetahuan dan Amalan Pelajar USM dan UniMAP	131
Graf 4.2	Graf Perbandingan Tahap Pengetahuan dan Amalan Pelajar USM dan UNIMAP	132
Graf 4.3	Graf Perbandingan Tahap Pengetahuan dan Amalan Keseluruhan Pelajar USM dan UniMAP	133
Graf 4.4	Graf Perbandingan Tahap Pengetahuan dan Amalan Keseluruhan Pelajar USM dan UniMAP	134
Graf 4.5	Graf Perbandingan Pengetahuan Pelajar Berkenaan <i>Isti 'ādhah</i> Mengikut Jenis Asal Tempat Tinggal	138
Graf 4.6	Graf Peratusan Perbandingan Tahap Pengetahuan Pelajar Berkenaan <i>Isti 'ādhah</i> Antara Universiti	139
Graf 4.7	Graf Peratusan Perbandingan Pengetahuan Pelajar Berkenaan <i>Isti 'ādhah</i> Antara Universiti	140
Graf 4.8	Graf Peratusan Perbandingan Amalan Pelajar Berkenaan <i>Isti 'ādhah</i> Antara Universiti	141

SENARAI SINGKATAN

BHEP	Bahagian Hal Ehwal Pelajar
Dr	Doktor
et.al	Pengarang-pengarang lain
Hal.	Halaman
Ibid	Ibidem. In the same place (rujukan yang sama dengan yang sebelumnya)
IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awam
Jil.	Jilid
KPM	Kementerian Pelajar Malaysia
KPTM	Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia
Prof	Profesor
Ptjh	Penterjemah
R	Korelasi <i>Pearson</i>
R&D	Research & Development
R.A	Radiya'llahu 'an-hu
S.A.W	Salla'llah 'alai-hi wa sallam
S.W.T	Subhana-hu Wa Ta'ala
T.P	Tiada Penerbit
t.t	Tanpa Tarikh
UNIMAP	Universiti Malaysia Perlis
UPNM	Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
USM	Universiti Sains Malaysia
UTM	Universiti Teknologi Malaysia

PANDUAN TRANSLITERASI

Dalam mengeja perkataan-perkataan Arab dalam ejaan rumi, transliterasi berikut digunakan¹ :

1. Konsonan

Huruf Arab	Huruf Rumi	Huruf Arab	Huruf Rumi	Huruf Arab	Huruf Rumi
ا	-	ز	z	ق	Q
ب	B	س	s	ك	K
ت	T	ش	sy	ل	L
ث	Th	ص	s	م	M
ج	J	ض	d	ن	N
ح	H	ط	t	و	W
خ	Kh	ظ	z	ه	H
د	D	ع	'	ء	'
ذ	Dh	غ	gh	ى	Y
ر	R	ف	f	ة	H

¹ Lihat Jawatan Kuasa Tetap Bahasa Melayu (1992), Pedoman Transliterasi Huruf Arab ke Huruf Rumi. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka ; Buku Panduan Pengkajian Tesis/Disertasi Ijazah Tinggi Akademi Pengajian Islam. (2001), Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

2. Vokal

PENDEK			PANJANG			DIFTONG	
ا	—	a	آ	—	ā	اي	ay
ى	—	i	اي	—	i	او	aw
و	—	u	او	—	u	و	uw
						ي	iy/i

**PENGETAHUAN DAN AMALAN *ISTI'ĀDHĀH* DALAM KALANGAN
PELAJAR UNIVERSITI AWAM**

ABSTRAK

Isti'ādhah membawa maksud memohon perlindungan, merupakan satu bentuk ibadah yang dituntut dalam Islam. Terdapat dua jenis konsep *Isti'ādhah* yang menjadi amalan masyarakat sejak dulu lagi. Pertama, *isti'ādhah* yang mematuhi kehendak dan syariat Allah S.W.T dan kedua adalah *isti'ādhah* yang bertentangan dengan syariat dan ianya boleh membawa kepada syirik serta kekufuran. Kekufuran dan kebaikan tidak boleh bersama walau dalam apa jua keadaan sekali pun. Justeru, hal ini amat berkait rapat dengan pengetahuan dan amalan kehidupan seharian. Dan, bagi kajian ini telah difokuskan kepada pelajar yang mana kejayaan sebenar pelajar adalah diukur daripada keupayaan mereka dalam menghayati agama, berpengetahuan yang benar dan beramal dengan amalan yang menurut syarak. Sehingga kesan daripada pengetahuan dan amalan tersebut mampu melahirkan seorang pelajar yang sempurna dari segi emosi, jasmani, intelek dan rohani. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengkaji pengetahuan dan amalan *isti'ādhah* dalam kalangan pelajar Universiti Awam sama ada pengetahuan dan amalan mereka mematuhi syariat Allah S.W.T atau sebaliknya. Secara lebih khusus, kajian ini mengfokuskan kepada dua buah Universiti Awam sahaja iaitu USM dan UNIMAP. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif iaitu kaedah tinjauan dengan menggunakan instrumen soal selidik. Instrumen soal selidik mengandungi tiga rukun *isti'ādhah* iaitu memohon perlindungan, sesuatu yang dipohon perlindungan darinya dan sesuatu yang dimohon perlindungan kepadanya. Data kuantitatif diperoleh melalui set soal selidik yang dijawab oleh 439 orang pelajar USM dan UNIMAP sebagai responden. Penganalisisan data

kuantitatif kajian menggunakan perisian SPSS v.22 melibatkan analisis deskriptif iaitu min, peratusan, kekerapan dan analisis inferensi iaitu ujian korelasi *Pearson*. Dapatan kajian telah berjaya mengkaji tahap pengetahuan dan amalan pelajar Islam di USM dan UNIMAP terhadap konsep *isti'ādah*. Tahap pengetahuan pelajar USM dan UNIMAP terhadap konsep *isti'ādah* berada pada tahap yang tinggi, berpengetahuan bahawa hanya Allah S.W.T selayaknya menjadi tempat memohon perlindungan. Walaupun pengetahuan pelajar berada pada tahap yang tinggi namun amalan pelajar berada pada tahap yang sederhana. Akhir sekali, dapatan kajian membuktikan bahawa terdapat hubungan antara pengetahuan dan amalan konsep *isti'ādah* dalam kalangan pelajar ini.

KNOWLEDGE AND PRACTICE OF *ISTI'ĀDHĀH* AMONG PUBLIC UNIVERSITIES STUDENTS'

ABSTRACT

Isti'ādhah (shield) means to seek protection, is a form of worship that is guided in Islam. There are two types of *isti'ādhah* concepts which have become the practice of the community since ancient times. Firstly, the *isti'ādhah* who obeys the will and shari'a of Allah S.W.T and the second is the *isti'ādhah* which is against the shari'a and it can lead to shirk and disbelief. The real success of a student is measured by his or her ability in understanding the religion, knowing the right knowledge and practicing the practice of Islam. The impact of such knowledge and practice can produce a student who is perfect in terms of his or her emotion, physical, intellectual and spiritual. Hence, this study aims to examine the knowledge and practice of *isti'ādhah* among public university students whether their knowledge and practices comply with the law of Allah S.W.T or otherwise. More specifically, this study focuses on two public universities which are USM and UNIMAP. The main purpose of this study is to study the knowledge and practices of students in USM and UNIMAP whether they are practicing the right practice or otherwise. This study uses quantitative method which is survey method using questionnaire instrument. The questionnaire instruments contain three pillars of *isti'ādhah* which are seeking protection, something that is sought for protection from him and what he is seeking to protect him. The quantitative data was obtained through questionnaires answered by the respondents of 439 students of USM and UNIMAP. The quantitative data analysis using SPSS v.22 involves descriptive analysis of mean, percentage, frequency and inferential analysis, and Pearson correlation test. The findings have been successful in studying the level of knowledge and practice of Islamic students in USM and UNIMAP in regards to the

concept of *isti'ādah*. The level of knowledge of USM and UNIMAP students in regards to the concept of *isti'ādah* is at a high level as they know that only Allah S.W.T should be a place to seek for protection. However, although the students' knowledge is at a high level, the students' practice is still at a moderate level. Finally, the findings show that there is a connection between knowledge and practice of *isti'ādah* concept among these students.

BAB SATU

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Setiap insan diciptakan dalam keadaan lemah dan tidak punya keupayaan untuk melakukan sesuatu jika tanpa keizinan dari Allah S.W.T. Allah S.W.T sangat menggalakkan setiap hamba-Nya untuk meminta pertolongan dari-Nya. Pertolongan dari Allah yang dimaksudkan bukanlah dalam urusan akhirat semata-mata. Ia termasuklah urusan-urusan dunia sebagai contoh yang lebih dekat ialah meminta pertolongan dari Allah S.W.T supaya diberi perlindungan dalam segala hal yang sedang dilakukan dan akan dilaksanakan. Sudah menjadi satu fitrah, sebagai manusia mereka memerlukan tempat bergantung harap, tempat untuk meminta pertolongan, tempat untuk mengadu dan juga tempat luahan sesuatu permasalahan. Hal ini demikian, dalam *al-Qur'ān* Allah S.W.T menjadikan surah al-Fatihah sebagai surah pembukaan *al-Qur'ān* yang di dalamnya mengandungi satu pengakuan bahawa Allah S.W.T adalah Tuhan semesta alam yang wajib di sembah dan Allah sebagai tempat meminta pertolongan.¹

Isti'ādhah adalah satu perkataan dalam Bahasa Arab, yang memberi maksud memohon perlindungan atau meminta perlindungan. Meminta perlindungan dan pergantungan kepada sesuatu adalah dibenarkan dalam agama Islam. Namun, sudah tentu ada batas-batas yang perlu dipatuhi oleh setiap pengamal. Terutamanya dalam hal-hal yang berkaitan dengan akidah muslim itu sendiri kerana *isti'ādhah* yang dibenarkan adalah hanya ber-*isti'ādhah* kepada Allah. Haron Din dalam makalahnya pernah menyebut bahawa secara prinsipnya, kerangka konsep *isti'ādhah* menurut

¹ Zuhaily, W. (2007). Tafsir al-Munir. Hal. 37

perspektif Islam mengandungi garapan tentang rukun *isti'ādah*, kedudukan *isti'ādah* dalam Islam dan penyelewengan konsep *isti'ādah*² yang dihurai dalam bab seterusnya.³

Maksud pelindung dalam *Kamus Dewan Bahasa* (2007) adalah penutup, penyekat, penghalang, pendinding.⁴ Manakala, Yulizar dan Ilhami menambah pelindung atau pendinding juga boleh jadi satu kuasa yang melindungi daripada godaan hawa nafsu yang telah diturunkan kepada sekalian umat Nabi Muhammad S.A.W iaitu doa pendinding, doa untuk melindungi diri daripada mara bahaya.⁵ Rohidzir Rais dalam buku *Terapi Ruqyah* mengatakan bahawa dalam mencari sesuatu sebagai pendinding seseorang itu tidak perlu mendapatkan pertolongan dukun dan pawang, kerana dikhuatiri dukun atau pawang tersebut mengamalkan amalan syirik dan berdosa.⁶

Konsep *isti'ādah* yang dimaksudkan dalam konteks pelajar Islam pula lebih cenderung kepada menjawab persoalan bagaimana dan apa cara yang diambil oleh para pelajar dalam mencari sumber pendinding dan meminta pertolongan untuk meneruskan pengajian mereka di Universiti. Sebagaimana yang diketahui umum, konsep *isti'ādah* terbahagi kepada dua iaitu mengikut syariat dan tidak mematuhi syariat, terdapat kajian kontemporari lepas mengenai penggunaan azimat sebagai pendinding dan pelindung di alam Melayu yang telah diterbitkan. Antaranya termasuklah buku kajian yang dilakukan oleh Ahmad Zuhairi yang bertajuk *Amalan Mistik dan Kebatinan serta pengaruhnya terhadap Alam Melayu*. Kajian beliau antara

² Haron Din (2011). Rawatan Penyakit Akibat Sihir (Siri Pengajian Pengubatan Islam, 5).

³ Konsep *isti'ādah* secara menyeluruh akan dibincangkan dalam bab khusus di dalam tesis ini, iaitu pada Bab ke-2 .

⁴ Noresah Baharom (2007) Kamus Dewan. Hal. 136

⁵ Yulizar dan Hamidi Ilhami (2005) Deskripsi Kitab Senjata Mukmin Dan Risalah Doa. Al-Banjari Jurnal Ilmiah Ilmu-ilmu Keislaman (13)(1).

⁶ Rohidzir Rais., (2009). Terapi Ruqyah. Hal. 1-3

lain mengupas secara mendalam mengenai persoalan mistik dan kebatinan yang melibatkan amalan perbomohan serta amalan tasawuf yang bercanggah dengan syariat.⁷

Merujuk kepada kajian-kajian lepas, sememangnya tidak banyak kajian sebegini dijalankan dalam kalangan pelajar Universiti. Sedangkan cabaran yang perlu ditempuh oleh mereka dalam menjaga akidah, ibadah dan akhlak adalah sangat mencabar ekoran daripada pelbagai faktor. Antara faktor-faktor tersebut ialah disebabkan tekanan belajar pada masa yang sama perlu menyesuaikan diri di tempat baru, faktor persekitaran pelajar yang mungkin berbeza dari segi pemikiran, adat, budaya dan agama.⁸ Seandainya mahasiswa tidak memiliki pengetahuan dan amalan *isti'ādah* yang jelas dalam memohon perlindungan diri, faktor-faktor tersebut boleh sahaja membawa mahasiswa kepada akidah yang terpesong dan sesat akibat daripada kejahilan dan tipu daya syaitan.

Sememangnya terlalu banyak tipu daya syaitan kepada anak-anak Adam bagi memesongkan mereka dari jalan Allah S.W.T kepada jalan yang menderhakai Allah S.W.T. Salah satu caranya adalah menawarkan perlindungan yang tidak benar dan sesat kepada manusia. Inilah yang diingatkan oleh Allah S.W.T dalam firman-Nya:

وَأَنَّهُ كَانَ رِجَالٌ مِّنَ الْإِنسِ يَعُوذُونَ بِرِجَالٍ مِّنَ الْجِنِّ فَزَادُوهُمْ رَهَقًا ﴿٦٦﴾

Maksudnya: “Dan bahawa sesungguhnya beberapa lelaki dalam kalangan manusia meminta perlindungan kepada beberapa lelaki dalam kalangan jin maka bertambah-tambah sesat dan mereka semua berdosa.”

⁷ Ahmad Zuhairi Abdul Halim, Hariza Mohd Yusof dan Nizamiah Muhd Nor (ed.), (1999).

⁸ Mastura Mahfar, Fadilah Zaini, Nor Akmar Nordin. (2007). Analisis Faktor Penyebab Stres di Kalangan Pelajar. Jurnal Kemanusiaan (9). Hal. 62-72.

Syeikh Qadir al-Jailani memberi penjelasan di dalam kitabnya mengenai tafsiran bagi ayat ini adalah mengisahkan beberapa lelaki yang melalui jalan yang sunyi, lalu mereka berhajat untuk berehat di tempat itu. Menurut Syeikh Qadir al-Jailani, beberapa lelaki ini percaya bahawa di kawasan itu ada jin-jin yang menjaga tempat atau nama lain dipanggil sebagai penunggu. Jadi, mereka meminta izin dan memohon perlindungan kepada jin yang berada di kawasan itu dengan memohon kepada jin penunggu itu supaya menjaga mereka dari jin-jin jahat lain yang juga berada di kawasan itu.⁹ Hal ini sememangnya berlaku dalam kalangan masyarakat, khususnya dalam kalangan masyarakat Melayu yang kaya dengan pelbagai adat dan budaya kehidupan sebagaimana dinyatakan dalam kajian Mohd Nizam dan Nurul Suhaida bahawa amalan meminta izin dan memohon perlindungan sebegini sudah menjadi adat kepada orang Melayu lama dalam kehidupan seharian mereka.¹⁰

Namun lebih parah adalah apabila ketidakpedulian masyarakat Islam terhadap peringatan Allah dalam surah al-Jin, ayat ke-6 itu telah membawa mereka kepada mencari dan mendampingi makhluk halus, meminta pertolongan jin, menggunakan sihir, khususnya menjadikan syaitan sebagai sahabat sejati dan tempat meminta perlindungan. Haron Din menegaskan bahawa apabila jalinan persahabatan dan berguru sehingga dapat menghasilkan ilmu syaitan khususnya ilmu sihir, maka akan berlaku janji setia dan sumpah setia yang tidak boleh dilanggari sumpahnya.¹¹

⁹ Syeikh Qadir al-Jailani., (2010) Tafsir Jailani. Hal. 117

¹⁰ Mohd Nizam & Nurul Suhaida., (2016). Amalan pendinding dalam kalangan peniaga Melayu di Pasar Siti Khadijah. Hal. 1-8

¹¹ Haron Din (2014) Ruqyah Asas Pengubatan Islam. Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam Malaysia (Darussyifa'). Hal. i-58

Justeru, amat penting bagi setiap individu muslim untuk membulatkan keyakinan dan keimanan bahawa Allah S.W.T bersifat Maha Pelindung kepada manusia daripada segala bahaya dan malapetaka, pada masa yang sama berkeyakinan bahawa Allah sebagai tempat meminta pertolongan.¹² Sebagaimana firman Allah S.W.T:

وَمَا بِكُمْ مِنْ نِعْمَةٍ فَمِنَ اللَّهِ ثُمَّ إِذَا مَسَّكُمُ الضُّرُّ فَإِلَيْهِ تَجْرُونَ ﴿٥٣﴾

Maksudnya: *“Dan apa saja nikmat yang ada pada kamu, maka dari Allah-lah (datangnya), dan apabila kamu ditimpa kemudharatan, maka hanya kepada-Nya-lah kamu meminta pertolongan.”*

Surah An-Nahl (16) : 53

Menurut Ibnu Kathir di dalam kitabnya dinyatakan terjemahan ayat ini memberi penjelasan bahawa tiada kekuasaan yang dapat melenyapkan kemudharatan mahu pun memberi bantuan kecuali Allah.¹³ Tambahan pada saat seorang hamba Allah S.W.T melalui detik-detik getir dan darurat dalam mengharungi kehidupan, seharusnya pada ketika itu mereka meminta pertolongan dari Allah S.W.T dengan kesungguhan yang tinggi. Allah S.W.T memiliki manfaat dan mudarat atas segala sesuatu yang ada pada hamba-Nya termasuklah nikmat kesihatan, rezeki dan harta, anak-anak dan keluarga begitu juga ujian, segalanya adalah kurniaan Allah S.W.T kepada hamba-Nya. Justeru, selayaknya menjadi tempat memohon perlindungan dan meminta segala bantuan itu hanyalah kepada Allah S.W.T semata-mata.

¹² Nor Rafidah Hj Mokhtar dan Mohd Nizam Sahad (2014) Amalan ‘ Pendinging’ Rumah Bagi Masyarakat Melayu Brunei : Tinjauan Dari Sudut Perspektif Akidah Islam. Hal. 12

¹³ Abdullah bin Muhammad, A. (2003). Terjemahan Tafsir Ibnu Kathir Jilid 5. Jakarta: Pustaka Imam Asy-Syafi’e. Hal. 91-122

Berbalik kepada *isti'ādhah* dalam ajaran Islam, Rohidzir Rais di dalam bukunya yang bertajuk *Terapi Ruqyah* mengatakan bahawa antara amalan yang boleh dilakukan sebagai langkah berjaga-jaga untuk melindungi dan memagari diri adalah dengan memperbanyakkan membaca doa, *ta'awwuz*, ayat *al-Qur'ān* serta zikir-zikir yang *mathur*.¹⁴

Sebagai contoh, hadis Rasulullah yang berkaitan dengan *isti'ādhah* adalah ;

أَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ

Maksudnya, “*Aku berlindung dengan kalimat-kalimat Allah yang sempurna daripada kejahatan makhluk-Nya.*”¹⁵

Dalam kitab Tafsir Ibnu Qayyim, hadis ini menerangkan bahawa seseorang yang memohon perlindungan dengan ayat ini memberi tafsiran bahawa mereka memohon perlindungan dari segala kejahatan pada diri makhluk mana sekalipun yang ada kudrat untuk berbuat jahat. Sama ada kejahatan dari manusia sendiri, haiwan, jin dan musibah bencana alam seperti angin, banjir, petir dan sebagainya.¹⁶ Hadis *isti'ādhah* ini sememangnya diajar oleh Rasulullah S.A.W untuk diamalkan oleh umatnya dalam memohon perlindungan, yang dikhususkan *isti'ādhah* dari kejahatan dan bukanlah memohon perlindungan dari segala sesuatu yang diciptakan Allah termasuklah kebaikan dan rahmat.

1.2 Permasalahan & Persoalan Kajian

Kajian ini meneliti secara mendalam dari sudut pandang Islam berhubung konsep *isti'ādhah* dan aplikasinya dalam kalangan Pelajar Islam di Universiti Sains Malaysia

¹⁴ Rohidzir Rais (2009) *Terapi Ruqyah*, Hal. 9.

¹⁵ Muslim bin Hajjaj, *Sahih Muslim*. No:2708, Tahqiq: Muhammad Fuad Abd al-Baqi', *Beirut: Dar al-'Ihya al-Turath*, jilid 4, hlm 2081; Malik bin Anas, *Muwatta'*. Tahqiq: Muhammad Abd al-Baqi', *Beirut: Dar al-'Ihya al-Turath*, jilid 2, hal. 978; Tirmidhi, *Sunan*, No: 3437, Tahqiq: Basyar Awwad Ma'ruf, *Beirut: Dar al-Gharb al-Islami*, jilid 5, Hal. 373.

¹⁶ Al-Jauziyah Ibnu Qayyim., (2000). *Tafsir Ibnu Qayyim : Tafsir ayat-ayat Pilihan*. Hal. 673.

dan Universiti Malaysia Perlis. Kajian kes dipilih sebagai satu metode dalam meneliti gambaran sebenar apa yang berlaku dalam kalangan mereka dan apa yang mereka faham serta amalkan berhubung konsep dan *isti'ādhah* ini.

Permasalahan kajian ini secara umumnya berkaitan dengan pengetahuan dan amalan pelajar Islam di Universiti Sains Malaysia dan Universiti Malaysia Perlis terhadap *isti'ādhah*. Manakala secara khususnya adalah pengkaji berhasrat untuk melihat sebilangan keadaan pelajar yang mengambil khidmat bomoh dalam meminta perlindungan dan pertolongan untuk menyelesaikan sesuatu permasalahan yang mereka hadapi.¹⁷ Sebagaimana dalam berita baru-baru ini yang sangat mengejutkan apabila sekumpulan pelajar UPNM memilih untuk mengambil khidmat bomoh dengan bertujuan untuk mencari tahu pencuri komputer riba milik salah seorang rakan sekumpulan pelajar itu. Lebih teruk lagi apabila siasatan menunjukkan sekumpulan pelajar yang mempercayai bomoh itu telah bertindak membuli pelajar yang dicabut nama oleh bomoh dan telah menyebabkan kematian.¹⁸ Hal ini sepatutnya tidak berlaku dalam kalangan pelajar universiti yang berada di pengajian tinggi yang sudah tentu pada tahap yang baik dalam akademik mereka, namun begitu agak mengejutkan apabila sememangnya sekumpulan pelajar universiti ini mengambil khidmat bomoh.¹⁹ Pengkaji mengambil satu langkah untuk menjalankan satu kajian penerokaan (*exploratory research*) ke atas kajian pengetahuan dan amalan *isti'ādhah* dalam kalangan pelajar Universiti Awam. Kajian penerokaan menurut Shields dan rakan penyelidikinya menyatakan bahawa kajian

¹⁷ Omar, A. B., & Rosman, A. S. (2009). Persepsi Pelajar SPI UTM Berkenaan Karamah Dan Sihir. Tesis Ijazah Sarjana Muda Universiti Teknologi Malaysia.

¹⁸ Shahizatul Farha S Rosli, 3 Jun 2017. Keluarga Terkejut Mangsa Dera Dituduh Mencuri. (<http://www.sinarharian.com.my/mobile/semasa/keluarga-terkejut-mangsa-dera-dituduh-mencuri-1.683768>)

¹⁹ Utusan Online. 12 Jun 2017. Padah Ambil Tindakan Sendiri. (<https://m.utusan.com.my/rencana/utama/padah-ambil-tindakan-sendiri-1.492166>)

penerokaan adalah kajian yang dijalankan untuk kajian baru atau permasalahan yang belum dikaji dengan jelas, bertujuan untuk menetapkan keutamaan, mengembangkan definisi operasi dan memperbaiki rancangan penyelidikan sebelumnya.²⁰ Hal ini kerana belum ada lagi kajian yang dijalankan berkaitan dengan pengetahuan dan amalan *isti'ādhah* dalam kalangan pelajar ini. Pengkaji sendiri pernah ada pengalaman yang melibatkan kawan pelajar terkena rasukan dan gangguan. Pada masa yang sama, pengkaji juga telah membuat sesi temu bual dengan pensyarah yang mengajar di Universiti Sains Malaysia dan Universiti Malaysia Perlis tentang pengalaman mereka menguruskan pelajar yang dirasuk dan mengalami gangguan. Hal ini membuktikan sememangnya ada berlakunya masalah gangguan dalam kalangan pelajar universiti. Memandangkan ini adalah kajian penerokaan dan tiada lagi kajian yang seumpama dengan ini yang pernah dijalankan.²¹ Maka pengkaji telah mengambil keputusan untuk menjalankan kajian ini.

Sehubungan dengan itu, fokus kajian tertumpu kepada persoalan-persoalan berikut:

- i. Adakah pelajar Islam di Universiti Sains Malaysia dan Universiti Malaysia Perlis memahami konsep *isti'ādhah* yang sebenar?
- ii. Bagaimanakah amalan *isti'ādhah* dalam kalangan pelajar Islam di Universiti Sains Malaysia dan Universiti Malaysia Perlis?
- iii. Adakah terdapat hubungkait antara pengetahuan dengan amalan *isti'ādhah*?

1.3 Objektif Kajian

²⁰ Shields, Patricia and Rangarjan, N. (2013). A Playbook for Research Methods: Integrating Conceptual Frameworks and Project management. Hal. 391

²¹ Nick Bontis, (1998) "Intellectual capital: an exploratory study that develops measures and models", Management Decision, Vol. 36 Issue: 2, Hal. 63-76

Melalui permasalahan kajian yang telah dinyatakan secara jelas tujuan kajian ini dilaksanakan adalah untuk memenuhi objektif-objektif berikut:

1. Mengkaji tahap pengetahuan pelajar Islam di Universiti Sains Malaysia dan Universiti Malaysia Perlis terhadap konsep *isti'ādah*.
2. Mengkaji amalan pelajar Universiti Sains Malaysia dan Universiti Malaysia Perlis terhadap konsep *isti'ādah*.
3. Menganalisis hubungkait antara pengetahuan dengan amalan *isti'ādah*.

1.4 Sorotan Literatur

Melalui tinjauan yang dilakukan pengkaji, didapati terdapat kajian yang berkaitan dengan konsep *isti'ādah*, namun bukanlah kajian yang menyeluruh tentang *isti'ādah* menurut perspektif akidah Islam. Apatah lagi mengkhususkan kajian tersebut kepada pengetahuan dan amalan konsep *isti'ādah* dalam kalangan pelajar yang dibahaskan. Namun begitu terdapat pengkaji-pengkaji yang telah melakukan kajian berkenaan dengan *isti'ādah*, sebagai contoh doa *isti'ādah* di dalam solat dan *isti'ādah* dalam *al-Qur'ān*. Justeru, kajian kepada konsep *isti'ādah* ini adalah untuk menjawab kepada permasalahan kajian yang telah disenaraikan, untuk menzahirkan kesyumulan Islam serta memisahkan fahaman Islam dengan fahaman-fahaman karut yang lain, kerana menyedari bahawa pada dasarnya Islam langsung tidak menerima konsep campur-aduk isi ajarannya dengan sebarang falsafah hidup yang lain, sebagaimana firman Allah S.W.T;

وَمَنْ يَبْتَغِ غَيْرَ الْإِسْلَامِ دِينًا فَلَنْ يُقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ مِنَ الْخَسِرِينَ ﴿١٥٠﴾

Maksudnya:

“Barangsiapa mencari agama selain agama Islam, maka sekali-kali tidaklah akan diterima daripadanya (agama itu), dan dia di akhirat termasuk orang-orang yang rugi.”

Surah al-Imran (3) : 85

Menurut tafsir Ibnu Kathir, Allah S.W.T menetapkan bahawa sesiapa yang mencari agama selain dari agama Islam atau tidak patuhi perintah dan ketentuan Allah, maka imannya tidak akan diterima serta segala amalnya tertolak.²² Antara contoh yang boleh diambil adalah orang musyrik dan orang yang mengaku beragama tauhid sedangkan mereka mempersekutukan Allah. Sebagaimana penganut agama Nasrani, yang mana agama itu tidak berhasil membawa penganutnya tunduk di bawah kekuasaan Allah S.W.T Yang Maha Esa. Agama seperti ini hanya merupakan agama adat, yang mana tidak mampu mendatangkan kemaslahatan kepada penganutnya. Malah bertambah teruk kerana ia membawa mereka ke lembah kehancuran dan menjadi sumber permusuhan di antara manusia di dunia, serta menjadi sebab penyesalan mereka di akhirat. Seterusnya Allah S.W.T memberi penegasan bahawa orang yang mencari agama lain selain Islam sebagai agamanya, di akhirat nanti mereka termasuk orang-orang yang merugikan diri. Hal ini demikian, mereka telah mengabaikan akidah tauhid yang sesuai dengan fitrah manusia yang diredhai Allah S.W.T.

Pengertian doa secara *lughawi* diambil daripada bahasa Arab iaitu *da'aa-yad'uu* yang mempunyai banyak pengertian.²³ Antara pengertian doa adalah permintaan, bersesuaian dengan firman Allah SWT seperti berikut:

²² Abdullah bin Muhammad, A. (2003). Terjemahan Tafsir Ibnu Kathir Jilid 2. Jakarta: Pustaka Imam Asy-Syafi'e. Hal. 18-39

²³ Azharuddin Sahil, (2002). Doa: Makbul atau Tertolak. Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd. Hal. 1-10

وَقَالَ رَبُّكُمْ ادْعُونِي أَسْتَجِبْ لَكُمْ إِنَّ الَّذِينَ يَسْتَكْبِرُونَ عَنْ عِبَادَتِي سَيَدْخُلُونَ جَهَنَّمَ
دَاخِرِينَ ﴿٦٠﴾

Maksudnya: “*dan Tuhanmu berfirman: ‘Berdoalah (mintalah) kepada-Ku, niscaya akan Kuperkenankan bagimu. Sesungguhnya orang-orang yang menyombongkan diri dari menyembah-Ku akan masuk neraka Jahannam dalam keadaan hina dina’*”

(Surah al-Mu’min : 60)

Perkataan *astajib* merupakan tanggapan balik daripada Allah SWT, sekiranya doa yang dilafazkan itu diiringi dengan penuh kesungguhan.²⁴

Antara makna lain juga bagi perkataan doa ialah permohonan, berdasarkan firman

Allah SWT:

وَإِنْ كُنْتُمْ فِي رَيْبٍ مِّمَّا نَزَّلْنَا عَلَىٰ عَبْدِنَا فَأْتُوا بِسُورَةٍ مِّمَّنْ مِثْلِهِ ۖ وَادْعُوا شُهَدَاءَكُمْ مِّنْ دُونِ اللَّهِ

إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ ﴿٢٣﴾

Maksudnya: “*dan jika kamu (tetap) dalam keraguan tentang Al Quran yang Kami wahyukan kepada hamba Kami (Muhammad), buatlah satu surat (saja) yang semisal Al Quran itu dan mohonlah kepada penolong-penolongmu selain Allah, jika kamu orang-orang yang benar.*”

(Surah al-baqarah: 23)

Perkataan ini disampaikan kepada orang musyrik untuk membuktikan kebenaran mereka dengan memohon pertolongan kepada makhluk yang dianggap dapat menolong mereka.²⁵

²⁴ Azharuddin Sahil, (2002). Doa: Makbul atau Tertolak. Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd. Hal. 1-10

²⁵ Azharuddin Sahil, (2002). Doa: Makbul atau Tertolak. Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd. Hal. 1-10

Seterusnya, maksud lain bagi perkataan doa ialah pujian, sebagaimana firman Allah SWT:

قُلْ أَدْعُوا اللَّهَ أَوْ ادْعُوا الرَّحْمَنَ ...

Maksudnya: “Katakanlah (wahai Muhammad), pujilah Allah atau pujilah Ar-Rahman...”

(Surah al-Israa’: 110)

Makna lain bagi doa juga ialah Ibadah, sebagaimana peringatan Allah SWT kepada orang musyrik agar tidak beribadah kecuali hanya kepada-Nya.²⁶ Allah SWT berfirman:

وَلَا تَدْعُ مِنْ دُونِ اللَّهِ مَا لَا يَنْفَعُكَ وَلَا يَضُرُّكَ فَإِنْ فَعَلْتَ فَإِنَّكَ إِذَا مِنْ الظَّالِمِينَ

Maksudnya: “Dan janganlah kamu menyembah(beribadah) kepada apa-apa yang tidak memberi manfaat dan tidak (pula) memberi mudharat kepadamu selain Allah; sebab jika kamu berbuat (yang demikian), itu, Maka Sesungguhnya kamu kalau begitu Termasuk orang-orang yang zalim”

(Surah Yunus: 106)

Dari segi istilah pula, doa bererti memohon sesuatu kepada Allah SWT dengan cara-cara tertentu. Manakala *isti ‘ādhah* pula adalah salah satu daripada cara memohon doa yang dimaksudkan itu.²⁷

Terdapat beberapa kajian lepas membincangkan tentang amalan pendinding atau *isti ‘ādhah* dalam kalangan masyarakat Melayu yang tidak mematuhi syarak, sehingga menimbulkan syirik khafi berikutan iktikad dan kepercayaan

²⁶ Azharuddin Sahil, (2002). Doa: Makbul atau Tertolak. Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd. Hal. 1-10

²⁷ Azharuddin Sahil, (2002). Doa: Makbul atau Tertolak. Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd. Hal.3-4

terhadap benda-benda tersebut.²⁸ Tambahan lagi, terdapat banyak kajian mengenai amalan meminta perlindungan dan pemujaan kepada sesuatu dengan harapan ia dapat membantu mereka menjalani kehidupan dengan lebih baik. Antaranya, karangan Walter Willian Skeat pada tahun 1900 bertajuk *Malay Magic : being introduction to folklore and popular religion of the Malay Peninsula* yang menulis maklumat kepada corak pemikiran dan agama masyarakat tempatan khususnya tentang amalan magik dan mistik. Mengikutnya, magik dan mistik amat berkait rapat dengan konsep *isti'ādah*. Hidup antara tahun 1835 hingga 1912, dalam tempoh itu beliau telah mengabdikan diri untuk hidup di dalam hutan tropika. Mencuba memahami budaya hidup masyarakat asli di Tanah Melayu. Karangan beliau menyediakan satu gambaran kehidupan masyarakat tempatan pada abad ke 19M khususnya yang berkaitan pemikiran magik dan mistik dalam proses mencari perlindungan dan pertolongan dalam mengharungi kehidupan di Tanah Melayu.²⁹

Tambahan lagi, terdapat juga kajian lepas mengenai perkaitan amalan spiritual dengan pencapaian akademik pelajar. Kajian terbitan Universiti Kebangsaan Malaysia ini bertujuan untuk mengkaji perkaitan di antara amalan kerohanian dengan pencapaian akademik pelajar. Kajian ini sangat berkait rapat dengan kajian yang dijalankan oleh pengkaji kerana ia mengkhususkan kajian untuk mengkaji amalan pelajar. Salasiah Hanin Hamjah dan rakan penyelidik memilih Universiti Kebangsaan Malaysia sebagai tempat kajian mereka. Manakala, pelajar Fakulti Pengajian Islam yang terdiri daripada beberapa jabatan iaitu Jabatan Pengajian Syariah, Jabatan Pengajian Usuluddin dan Falsafah, Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam,

²⁸ Nor Rafidah Hj Mokhtar dan Mohd Nizam Sahad, (2014). "Amalan 'Pendinding' Rumah Bagi Masyarakat Melayu Brunei : Tinjauan Dari Sudut Perspektif Akidah Islam", *International Journal of the Malay World and Civilisation*, (2)(1). Hal. 1-15

²⁹ Walter William Skeat. (1900). *Malay Magic: Being Introduction to Folklore and Popular Religion of the Malay Peninsula*.

Jabatan Pengajian *al-Qur'ān* dan al-sunnah dan Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan diambil sebagai sampel kajian.³⁰

Di samping itu, terdapat juga kajian-kajian lepas mengenai penggunaan azimat sebagai pendinding di alam Melayu yang telah diterbitkan. Antaranya ialah buku kajian yang dilakukan oleh Ahmad Zuhairi pada tahun 1999 yang bertajuk *Amalan Mistik dan Kebatinan serta pengaruhnya terhadap Alam Melayu*. Ahmad Zuhairi dalam bukunya menyatakan bahawa kehidupan beragama di Nusantara ini bermula dengan Animisme dan Dinamisme, cara hidup dan kebergantungan terhadap Animisme dan Dinamisme ini telah menjadi pegangan penduduk Nusantara sehingga zaman kedatangan agama.³¹

Dari sudut latihan ilmiah pula yang pernah dilakukan dalam hal penggunaan azimat dalam kalangan orang Melayu, terdapat beberapa kajian seperti yang dilakukan oleh Mohd Fahrur Rozi Ismail pada tahun 2006 yang bertajuk "*Kepercayaan masyarakat Melayu terhadap tangkal dan azimat: kajian menurut perspektif Islam*". Kajian tersebut memberi satu pendedahan tentang penggunaan dan kepercayaan tangkal dan azimat dalam kalangan masyarakat Melayu.³² Seterusnya, Latifah Ali pada tahun 1990 yang bertajuk "*Kepercayaan orang-orang Melayu terhadap tangkal dan azimat : pandangan Islam terhadapnya : satu kajian di daerah Dungun, Terengganu Darul Iman*." Satu kajian berkaitan dengan konsep pendinding

³⁰ Salasiah Hanin Hamjah et. al., (2012). *Perkaitan Amalan Spiritual Dengan Pencapaian Akademik Pelajar*. Hal. 54

³¹ Ahmad Zuhairi et. al., (1999). *Amalan Mistik dan Kebatinan serta pengaruhnya terhadap Alam Melayu*.

³² Mohd Fahrur Rozi (2006). "Kepercayaan Masyarakat Melayu terhadap Tangkal dan Azimat: Kajian Menurut Perspektif Islam". Universiti Malaya. Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam. Hal.54

yang menggunakan tangkal dan azimat, di dalam kajian itu telah diterangkan dengan jelas pandangan Islam terhadap kepercayaan tersebut.³³

Kajian Fariza Md. Sham dan rakan penyelidik tentang faktor histeria dalam kalangan remaja sekolah telah diambil sebagai rujukan memandangkan kajian ini dilihat berkait rapat dengan konsep *isti'ādah*, pengetahuan dan amalan pelajar itu sendiri. Pada masa yang sama, dalam kajian itu juga menyatakan antara punca berlakunya gangguan dalam kalangan pelajar adalah disebabkan oleh ketenangan jiwa yang bercelaru dan ia mendorong kepada gangguan fizikal.³⁴ Kajian Amran Kasimin dan Haron Din membuktikan secara umumnya gangguan (contoh : histeria) adalah berpunca daripada kesan seseorang mengalami tekanan emosi yang tinggi dan akibat kemasukan makhluk halus dalam diri.³⁵ Manakala, Uthman Najati pula menjelaskan bahawa manusia yang menghadapi gangguan dan ketidaktenteraman jiwa atau emosi apabila berlakunya konflik psikis atau pertembungan antara dua jiwa manusia.³⁶ Iaitu jiwa yang beriman kepada Allah S.W.T dengan jiwa yang mahu menurut hawa nafsu. Kebanyakan kajian yang telah dijalankan adalah dalam kalangan masyarakat Melayu dan beberapa kajian dijalankan dalam kalangan pelajar sekolah, namun kajian pada kali ini telah memilih untuk mengfokuskan skop kajian kepada mahasiswa khususnya di Universiti Sains Malaysia dan Universiti Malaysia Perlis.

Kajian yang terbaru adalah tesis pengajian sarjana daripada M. Faslul Indrawan yang bertajuk '*Isti'ādah dalam al-Qur'ān*' sangat dekat dengan kajian ini

³³ Latifah Ali (1990) Kepercayaan orang-orang Melayu terhadap tangkal dan azimat : pandangan Islam terhadapnya : satu kajian di daerah Dungun, Terengganu Darul Iman. Hal.1-5

³⁴ Fariza Md. Sham et al. (2012). Faktor histeria dalam kalangan remaja sekolah. *Sains Humanika*, 59(1). Hal.18

³⁵ Amran Kasimin & Haron Din. (1990). Rawatan Gangguan Makhluk Halus Menurut *al-Qur'ān* dan as-Sunnah. Hal. 28

³⁶ Uthman Najati (1992). Psikoterapi menurut *al-Qur'ān*. Hj. Abd. Rahman (ptjh.). Selangor: Human Resource Enterprise. Hal. 24

walaupun yang difokuskan hanya kepada memohon perlindungan di dalam *al-Qur'ān* sahaja. Banyak menyentuh hal-hal yang berkaitan maksud dan definisi *isti'ādah* serta nilai dan kepentingan dalam ber-*isti'ādah*.³⁷ *Isti'ādah* dalam *al-Qur'ān* diungkapkan melalui bentuk qasas atau sebuah cerita, hal ini bertujuan agar manusia dapat mengambil hikmah dari kisah-kisah yang telah *al-Qur'ān* gambarkan tentang orang terdahulu, kerana melalui penceritaan kisah lebih mudah difahami. Terdapat juga kajian lepas menyokong bahawa pengukuhan kerohanian dan aspek-aspek kerohanian mampu menyumbang kepada pembelajaran berkesan. Sehubungan dengan itu, konsep *isti'ādah* yang dianjurkan oleh Islam adalah amat dekat dan berkait rapat dengan aspek-aspek kerohanian.

Di samping itu, terdapat juga kajian-kajian lepas yang menjalankan kajian pengetahuan dan amalan. Namun, masih belum ada kajian pengetahuan dan amalan yang dijalankan yang khusus membincangkan berkenaan *isti'ādah*. Sebagai contoh dan juga rujukan yang diambil oleh pengkaji ialah kajian Pengaruh Pengetahuan Agama ke Atas Amalan Agama dan Gaya Hidup Mahasiswa Islam Universiti Teknologi Malaysia, yang dijalankan oleh Ahmad Johari Sihes bersama tiga orang lagi rakan penyelidikinya. Kajian ini mengkaji pengetahuan dan amalan dalam kalangan mahasiswa berkenaan agama dan gaya hidup, seterusnya melihat perkaitan antara pengetahuan dengan amalan itu. Kajian yang dijalankan pada tahun 2006 ini merupakan kajian kuantitatif, yang mana sebanyak 300 set soalan soal selidik yang mengandungi 45 item diedarkan kepada 300 orang mahasiswa Islam Universiti Teknologi Malaysia.³⁸ Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tahap

³⁷ M. Fasul Indrawan (2016). *Isti'ādah* dalam *al-Qur'ān*. Tesis Sarjana Teologi Islam (S.Th. I). Jurusan Ilmu *al-Qur'ān* dan Tafsir. Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga, Yogyakarta. Hal. 45-214

³⁸ Ahmad Johari Sihes et. al., (2006). Pengaruh pengetahuan agama ke atas amalan agama dan gaya hidup mahasiswa Islam Universiti Teknologi Malaysia. Hal. 1-8

pengetahuan agama mahasiswa Islam UTM adalah tinggi. Namun dari segi amalan agamanya berada pada tahap sederhana.³⁹ Menurutnya, hasil kajian pengetahuan, amalan dan gaya hidup ini mampu dijadikan panduan kepada pihak universiti untuk melahirkan intelektual Islam.

Seterusnya, sebagaimana kajian ini yang hanya memilih dua buah Universiti Sains Malaysia dan Universiti Malaysia Perlis sebagai lokasi kajian. Terdapat juga kajian-kajian lepas yang juga memilih dua buah Universiti Awam sebagai lokasi kajian, iaitu kajian ijazah sarjana Azilah Mohamad Nor pada tahun 2011 yang hanya melibatkan Universiti Sains Malaysia dan Universiti Utara Malaysia. Selain itu, terdapat juga kajian lain seperti kajian pada tahun 2008 yang dijalankan oleh Sharudin dan rakan-rakan penyelidik berkaitan dengan faktor yang mempengaruhi keberkesanan pengajaran dan pembelajaran, kajian tersebut melibatkan dua buah sekolah. Justeru, justifikasi kajian bagi kajian ini yang hanya memilih dua buah Universiti Awam iaitu Universiti Sains Malaysia dan Universiti Malaysia Perlis akan dibincangkan dalam bahagian Metodologi Kajian.

Setiap artikel, tesis dan buku yang telah dinyatakan dalam sorotan karya akan menjadi sumber rujukan kepada pengkaji dalam mengkaji tajuk ini bagi memenuhi sub-sub topik yang berkaitan *isti'ādhah* atau pendinding. Kajian-kajian lepas memberi pandangan bahawa kajian terhadap *isti'ādhah* masih perlu dimantapkan lagi dengan kajian-kajian yang lain. Pengkaji mengambil satu pendekatan untuk menjalankan kajian penerokaan sebagai cara untuk mendapatkan kajian yang lebih jelas.⁴⁰

³⁹ Ahmad Johari Sihes et. al., (2006). Pengaruh pengetahuan agama ke atas amalan agama dan gaya hidup mahasiswa Islam Universiti Teknologi Malaysia. Hal. 1-8

⁴⁰ Shaker A.Zahra (1991). Predictors and financial outcomes of corporate entrepreneurship: An exploratory study. Journal of Business Venturing

1.5 Skop dan Batasan Kajian

Skop kajian adalah merujuk kepada apa yang ingin dikaji dan batas kajian pula menerangkan secara eksplisit perkara-perkara yang tidak dikaji. Bagi memastikan kajian ini dapat dilaksanakan dengan baik dan jelas, maka perlu diperjelaskan skop dan batasan kajiannya.

Pengkaji akan mengkaji dengan beberapa metod yang telah ditetapkan dalam kajian ini berkenaan amalan harian dan pengetahuan pelajar Islam di Universiti Sains Malaysia dan Universiti Malaysia Perlis terhadap konsep *isti'ādah*. Justeru, pengetahuan dan amalan pelajar akan dianalisis daripada konsep *isti'ādah* menurut Islam. Amalan dan pengetahuan terhadap *isti'ādah* para pelajar akan dinilai statusnya sama ada selari dengan tuntutan syarak atau tidak. Pengkaji telah membataskan kajian ini dengan hanya menghadkan kajian pengetahuan dan amalan pelajar kepada beberapa tema yang berteraskan rukun *isti'ādah* yang telah dinyatakan dalam rangka konseptual kajian. Rukun *isti'ādah* ; 1) Memohon perlindungan; 2) Sesuatu yang dipohon perlindungan dengannya; 3) Sesuatu yang dipohon perlindungan darinya.

Daripada keseluruhan universiti yang terdapat di Malaysia, pengkaji hanya memilih dua universiti sahaja. Setelah dikecilkan lagi skop kajian ini lalu pengkaji memutuskan untuk menumpukan kajian hanya kepada dua Universiti Awam sahaja iaitu melibatkan pelajar Islam di Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP). Oleh itu, kajian ini tidak melibatkan pelajar Islam di Universiti Awam yang lain. Justifikasi pemilihan universiti ini adalah kerana kedua-dua Universiti Sains Malaysia dan Universiti Malaysia Perlis adalah universiti yang tidak menawarkan kursus teras Pengajian Islam. Hal ini kerana, jika salah satu

universiti yang dipilih adalah universiti yang menawarkan kursus Pengajian Islam akan memberi kesan kepada dapatan kajian yang mana pelajar pengajian Islam mungkin lebih menonjol dari segi pengetahuan dan amalan mereka. Pada masa yang sama, Universiti Sains Malaysia adalah dikenali sebagai universiti yang bertaraf universiti penyelidikan manakala Universiti Malaysia Perlis pula adalah universiti yang berasaskan pengajaran. Hasil dapatan kajian memberi satu dapatan kepada pengkaji untuk melihat perbezaan pengetahuan dan amalan *isti'ādah* pelajar bagi kedua-dua universiti tersebut.

Tambahan lagi, justifikasi kajian pemilihan kedua universiti ini adalah melihat kepada lokasi universiti yang berada di jenis kawasan yang berbeza. Universiti Sains Malaysia merupakan kampus yang berada di kawasan bandar, manakala Universiti Malaysia Perlis pula merupakan kampus yang berada di pekan atau luar bandar. Penelitian awal telah dilakukan oleh pengkaji, dengan menemu bual pensyarah di kedua-dua universiti berkenaan masalah pengetahuan dan amalan pelajar tentang *isti'ādah*.

Seterusnya, kajian ini adalah terbuka kepada mahasiswa dan mahasiswi bagi kedua-dua Universiti Sains Malaysia dan Universiti Malaysia Perlis yang telah dipilih sebagai responden. Hal ini demikian disebabkan belum ada kajian yang dijalankan berkaitan dengan kajian pengetahuan dan amalan *isti'ādah* dalam kalangan mahasiswa. Pada masa yang sama, dilihat kurangnya penyelidikan yang dijalankan ke atas Universiti Awam khususnya dalam kajian seperti ini sedangkan pelajar universiti adalah aset kepada pembangunan negara di masa akan datang. Tambahan, terdapat begitu kerap berita yang berkaitan dengan pelajar Islam di

universiti yang tidak mengamalkan cara hidup berlandaskan Islam yang sebenar.⁴¹ Hal ini sepatutnya tidak berlaku dalam kalangan pelajar universiti yang berada di pengajian tinggi yang sudah tentu pada tahap yang baik dalam akademik mereka, namun begitu agak mengejutkan apabila terdapat sekumpulan pelajar universiti mengambil khidmat bomoh.⁴²

Justeru, pengkaji memilih untuk melakukan kajian ini ke atas pelajar Universiti Awam apabila melihat kepada keseriusan masalah dan kesesuaian keadaan pada masa yang sama pelajar universiti banyak terdedah kepada budaya yang bebas dan tidak terkawal, selain itu pelajar universiti lebih mudah terdedah dengan pengaruh luar. Oleh sebab justifikasi yang dinyatakan pengkaji telah memilih dua universiti iaitu Universiti Sains Malaysia dan Universiti Malaysia Perlis. Pengkaji membataskan kajian kepada dua buah Universiti Awam sahaja adalah disebabkan supaya kajian dapat dilakukan dengan lebih berfokus untuk mendapatkan hasil kajian yang lebih jitu.

1.6 Kepentingan Kajian

Antara kepentingan kajian yang dapat disumbangkan dalam kajian ini adalah seperti berikut:

1. Hasil kajian dapat membantu pelajar Islam Universiti Sains Malaysia dan Universiti Malaysia Perlis memahami apakah definisi sebenar *isti'ādah* mengikut perspektif Islam.

⁴¹ Farahwahida Mohd. Yusof & Taupik Lubis Bin H. Ahpas., (2009) Persepsi pelajar sarjana muda sains serta pendidikan (Pengajian Islam) Universiti Teknologi Malaysia, Skudai Terhadap Ajaran Sesat di Malaysia. Hal. 2

⁴² Utusan Online. 12 Jun 2017. Padah Ambil Tindakan Sendiri. (<https://m.utusan.com.my/rencana/utama/padah-ambil-tindakan-sendiri-1.492166>)

2. Hasil kajian dapat melihat kembali sama ada pengetahuan dan amalan *isti'ādah* yang diamalkan pelajar Universiti Sains Malaysia dan Universiti Malaysia Perlis selari dengan syariat Islam atau sebaliknya.
3. Kajian ini dapat dijadikan sebagai rujukan kepada umat Islam khususnya para pelajar Islam untuk membezakan antara amalan *isti'ādah* yang betul dengan yang salah.
4. Kajian ini juga dapat dijadikan sebagai rujukan kepada pihak berwajib untuk mengambil tindakan bagi membendung dan mengurangkan masalah gangguan di sekolah, kolej dan asrama.
5. Kajian ini dapat dijadikan sebagai rujukan kepada pihak bertanggungjawab sebagai contoh KPM dan KPT dalam membendung dan mengurangkan masalah pelajar Islam mahupun masyarakat dalam mengambil metod memohon perlindungan yang tidak menurut syariat.
6. Membawa masyarakat khususnya dalam kalangan pelajar kepada penghayatan dan pengamalan akidah yang sejahtera dan sahih khususnya dari aspek memohon perlindungan.

1.7 Pengertian Tajuk

Untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan pengertian tajuk seperti berikut.

1.7.1 Pengetahuan Pelajar

Pengetahuan pelajar dalam kajian ini merujuk kepada kefahaman dan ilmu yang dimiliki oleh pelajar di Universiti Sains Malaysia dan Universiti Malaysia Perlis, khususnya bagi kajian ini adalah pengetahuan berkenaan dengan konsep *isti'ādah*. Hal ini demikian menurut Sayyid Qutb dan al-Maududi dalam bukunya, yang

membezakan seseorang yang Islam dengan bukan Islam adalah pengetahuan yang mereka miliki.⁴³

1.7.2 Amalan Pelajar

Amalan pelajar pula merujuk kepada perbuatan seharian pelajar Universiti Sains Malaysia dan Universiti Malaysia Perlis, khususnya dalam kajian ini adalah amalan yang dilakukan oleh pelajar yang berkaitan dengan konsep *isti'ādah*. Sebagaimana disampaikan oleh Imam Hasan al-Banna menjelaskan nilai amal yang menganggap amalan itu ibarat buah bagi ilmu yang ikhlas.⁴⁴ Sebagaimana firman Allah S.W.T;

وَقُلْ أَعْمَلُوا فَسَيَرَى اللَّهُ عَمَلَكُمْ وَرَسُولُهُ وَالْمُؤْمِنُونَ وَسَتُرَدُّونَ إِلَىٰ عِلْمِ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ

فَيُنَبِّئُكُم بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿١٠٥﴾

Maksudnya:

“Dan katakanlah (wahai Muhammad): “Beramallah kamu (akan segala yang diperintahkan), maka Allah dan Rasul serta orang beriman akan melihat apa yang kami kerjakan, dan kamu akan dikembalikan kepada Allah yang Maha Mengetahui perkara-perkara ghaib dan yang nyata, kemudian ia menerangkan kepada kamu apa yang kamu telah kerjakan.”

Surah at-Taubah (9) : 105

⁴³Sayed Qutb, Abul A'la Maududi, Hafid Muhammad 'Uthman., (1998). Manhaj Hidup Muslim. Hal. 13

⁴⁴ Muhammad Abdullah al-Khattib. Penjelasan di sekitar Risalah Taklim. Hal. 243

Ibnu Kathir dalam kitabnya ada menjelaskan tafsiran kepada ayat ini bahawa Allah memberi satu gambaran ancaman dan peringatan terhadap amalan seharian hamba Allah S.W.T dalam menuruti perintah Allah S.W.T.⁴⁵

1.7.3 *Isti'ādah*

Isti'ādah merujuk kepada konsep memohon perlindungan, sama ada memohon perlindungan kepada Allah S.W.T atau pun kepada selain Allah S.W.T. Huraian panjang berkaitan *isti'ādah* telah dihuraikan di dalam bab kedua tesis ini.⁴⁶

1.7.4 Pelajar Universiti Sains Malaysia

Pelajar yang belajar di Universiti Sains Malaysia, sama ada di peringkat diploma sehinggakan sarjana tinggi. Pelajar Universiti Sains Malaysia merupakan responden bagi kajian yang telah dijalankan ini. Kajian ini hanya melibatkan pelajar Islam sahaja.

1.7.5 Pelajar Universiti Malaysia Perlis

Pelajar yang belajar di Universiti Malaysia Perlis, sama ada diperingkat diploma, sarjana muda sehinggakan sarjana tinggi. Pelajar Universiti Malaysia Perlis juga merupakan responden bagi kajian ini. Kajian ini hanya melibatkan pelajar Islam sahaja.

⁴⁵ Abdullah bin Muhammad, A. (2003). Terjemahan Tafsir Ibnu Kathir Jilid 4. Jakarta: Pustaka Imam Asy-Syafi'e. Hal. 21-41

⁴⁶ *Isti'ādah* dalam Islam dibincangkan dengan lebih terperinci dalam Bab 2 penulisan ini.

BAB DUA

ISTI'ĀDHAH DALAM ISLAM

2.1 Pendahuluan

Isti'ādhaḥ merupakan salah satu perbuatan yang perlu diamalkan oleh setiap insan yang bernama mukmin, kerana *isti'ādhaḥ* merupakan satu bentuk permohonan perlindungan seorang mukmin kepada Allah.¹ Sebagaimana firman Allah SWT dalam *al-Qur'ān*,

فَإِذَا قَرَأْتَ الْقُرْآنَ فَاسْتَعِذْ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ ﴿٩٨﴾

Maksudnya:

“Apabila engkau membaca Al-Qur'ān, maka hendaklah engkau (terlebih dahulu) memohon perlindungan kepada Allah dari hasutan Syaitan yang direjam.”

Surah an-Nahl (16) : 98

Menurut tafsir Ibnu Kathir, pada ayat ini Allah menyuruh hamba-Nya untuk membaca doa *isti'ādhaḥ* dengan tujuan memohon perlindungan kepada Allah dari hasutan syaitan yang direjam. Walau pun bacaan *isti'ādhaḥ* diperintahkan untuk membacanya sebelum membaca *al-Qur'ān*. Namun ianya jelas menunjukkan bahawa *isti'ādhaḥ* sememangnya satu ajakan kepada seseorang untuk memohon perlindungan dari Allah. Bahkan, Rasulullah sendiri mengajar umatnya ber-*isti'ādhaḥ* dari segala perkara, bukanlah khusus kepada perkara-perkara tertentu sahaja. Malah, terdapat hadis Rasulullah S.A.W yang menyebut tentang kepentingan ber-*isti'ādhaḥ*;

¹ M.Faslul Indrawan, 2016., *Isti'ādhaḥ* dalam al-Quran. Hal. x